

PEMERIKSAAN TAHUNAN PANGLIMA WILAYAH UDARA 1

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3117-pemeriksaan-tahunan-panglima-wilayah-udara-1

BUKIT IBAM, 28 Feb 18 – Pemeriksaan Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM di Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam telah disambut oleh Pemangku Pegawai Memerintah Skuadron, Mej Ir Mohd Syaffian bin Hussin TUDM serta Pegawai-pegawai dari Skuadron 322 TUDM Bukit Ibam.

Pemeriksaan ini telah dilaksanakan selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Feb 18. Tujuannya bagi mengetahui dengan lebih dekat permasalahan yang dihadapi serta memastikan skuadron berada di dalam keadaan siapsiaga setiap masa.

Selain itu, PANGWILUD 1 turut meluangkan masa untuk melawat serta memberi sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Ibam iaitu ibu kepada salah seorang anggota di Pangkalan Udara Kuantan, Sjn U Shah Jahan. Diakhiri lawatan, PANGWILUD 1 turut mengadakan sesi dialog bersama ahli Wisma Ahli Udara Skn 322 TUDM Bukit Ibam.



